

03/06/2000

Perpaduan kunci kejayaan negara

Magendran Rajagopal

PERPADUAN sejati di kalangan masyarakat pelbagai kaum, bahasa dan agama dinegara ini adalah hasil permuafakatan bersama dan kestabilan politik yang memastikan kesinambungan suasana harmoni terus terpelihara. Semangat muhibah yang jitu menjad ipenjana utama pembangunan negara manakala kekuatan dalaman yang digarap melalui agenda nasional berdiri kukuh ekoran penekanan pembahagian peluang ekonomi yang seimbang di antara semua kaum.

Sikap bertolak-ansur serta saling menghormati agama sesuatu kaum menjadi pegangan meskipun Islam menjadi agama rasmi negara manakala kebebasan mengamalkan budaya dan upacara keagamaan masing-masing diberi keutamaan. Amalan ini sudah sekian lama dijadikan pegangan hidup harian masyarakat majmuk tempatan sejak sebelum merdeka lagi walaupun agama, bahasa ibunda, adat resam dan kebudayaan masing-masing berbeza.

Prinsip Rukunegara, iaitu kepercayaan kepada Tuhan; kesetiaan kepada Raja dan negara; keluhuran Perlembagaan; kesopanan dan kesusilaan serta kedaulatan undang-undang menjadi ungkapan yang sudah sebati di sanubari setiap rakyat.

Pada zaman silam, penjajah British, mengamalkan pemerintahan 'pecah dan perintah' (divide and rule) dengan tujuan memudahkan tugas mengawal penduduk tempatan tanpa menghadapi sebarang tentangan hebat. Namun, semangat perpaduan yang membara dijana oleh kebudayaan Timur serta pegangan agama yang menuntut masyarakat hidup harmoni membolehkan rakyat memecah belenggu penjajah dan bersatu ke arah menuntut kemerdekaan.

Sejarah menjadi pengajaran hidup terbaik dan ia perlu kerap disingkap untuk mengingatkan kembali pahit manis moyang kita mencapai kemerdekaan dan jerih-perih ibu bapa kita membangun dan memajukan negara bertuah ini. Kini, hampir setiap hari kita mendengar pemimpin negara melaungkan ungkapan 'perpaduan antara kaum' tetapi keberkesanan maksud perkataan itu semakin luntur di kalangan generasi muda.

Anak-anak selepas merdeka kebanyakan hidup dalam kemewahan dan hakikat bahawa kemerdekaan negara diperolehi hanya selepas bumi ini disemah dengan darah nenek moyang kita, tidak lagi dikenang. Lunturnya semangat kemerdekaan dan sifat menghargai kebebasan yang dikecapi di kalangan golongan muda sekarang sedikit sebanyak berpunca daripada kealpaan dan kelalaian kita golongan tua mendidik mereka.

Budaya hidup generasi muda semakin dipengaruhi anasir asing dan fahaman anti sosial dan sikap suka memberontak, yang lazimnya hanya ketara di negara Barat, kini sudah menular kukuh di negara ini. Bagaimanapun, golongan yang terbabit adalah kecil dan semua pihak perlu memainkan peranan untuk menangani gejala berkenaan daripada menjadi wabak yang sukar dibendung.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kerap kali mengingatkan rakyat supaya jangan menjadikan perasaan hasad dengki, caci-mencaci dan sifat fitnah-memfitnah sebagai satu budaya hidup. Sebaliknya, Seri Paduka menyeru masyarakat terus berpegang teguh kepada nilai ketimuran yang murni bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup dengan menolak sama sekali budaya caci-mencaci dan fitnah-memfitnah.

"Beta berharap budaya ketimuran seperti berbudi pekerti yang baik, berhemah mulia dan hormat menghormati akan dijadikan asas penting dalam pendidikan anak muda kita," kata Seri Paduka dalam majlis sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 6 Jun tahun lalu. Titahnya, rakyat pada amnya menunjukkan kematangan yang

tinggi serta bersikap rasional dalam menghadapi masalah dan dugaan seperti krisis ekonomi.

"Semangat toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Sebarang perbezaan budaya antara satu kaum dengan yang lain diketepikan, malah apa yang ditekankan ialah nilai persamaan," titahnya.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, usaha pertama yang dilakukan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra (gambar) selaku Perdana Menteri pertama ialah mengukuhkan kestabilan politik di kalangan pelbagai kaum. Rintangan yang dihadapi oleh negara dan rakyat ketika mula-mula merdeka seperti ancaman komunis dan konfrantasi dengan Indonesia, mendorong kepada penyusunan di tahap kedua, iaitu pembangunan sosio ekonomi yang ditekankan dalam pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tahap ketiga, menerusi Allahyarham Tun Hussein Onn pula, Malaysia mencapai kesejahteraan dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, politik dan perpaduan, di samping pembangunan yang semakin jelas. Apabila memasuki era pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, arus pembangunan negara kemudian memasuki era perindustrian dan teknologi maklumat (IT) menjurus kepada hubungan dagangan antarabangsa dengan lebih ketara.

Selepas hampir 43 tahun merdeka, Dr Mahathir secara tegas meminta rakyat bersedia dan mula melangkah ke era ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi dengan memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi maklumat (IT). Rakyat juga digalakkan menceburi dan mengikuti rapat perkembangan perdagangan antarabangsa berlandaskan sistem dunia tanpa sempadan yang menjadikan globalisasi sebagai alasan meliberalisasi ekonomi dunia.

(END)